Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 10, e001723
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i10.1723

Penglibatan Komuniti Bandar dalam Program Local Agenda 21 di Majlis Bandaraya Shah Alam

Urban Community Participation in the Local Agenda 21 Program in Shah Alam City Council

Nor Aishah Sulaiman[1*], Asnarulkhadi Abu Samah[2], Nobaya Ahmad[3]

[1]Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Email: noraishahs@gmail.com
[2]Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Email: asnarul@upm.edu.my
[3]Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Email: nobaya@upm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Nor Aishah Sulaiman (noraishahs@gmail.com)

KATA KUNCI:
Local Agenda 21
Penglibatan komuniti
Pembangunan bandar mampan

KEYWORDS:
Local Agenda 21
Community participation
Sustainable urban development

CITATION:
Nor Aishah Sulaiman, Asnarulkhadi Abu Samah, & Nobaya Ahmad. (2022). Penglibatan Komuniti Bandar dalam Program Local Agenda 21 di Majlis Bandaraya Shah Alam. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(10), e001723. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i10.1723

ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi tahap penglibatan komuniti bandar dalam program Local Agenda 21 (LA21) di Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA). Kajian telah dijalankan ke atas sampel 394 penduduk dalam kawasan pentadbiran MBSA. Instrumen tinjauan termasuk 58 item ukuran telah diadaptasi daripada kajian lepas untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi tahap penglibatan komuniti bandar dalam program LA21 di MBSA. Analisis statistik deskriptif dan analisis kebolehpercayaan digunakan untuk menganalisis data dengan perisian SPSS. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor masalah kejiranan adalah salah satu faktor yang mempengaruhi tahap penglibatan komuniti bandar dalam program LA21 di bandar raya Shah Alam. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu mendapatkan faktor kejayaan kritikal pelaksanaan LA21 untuk meningkatkan tahap penglibatan komuniti khususnya program dan aktiviti dianjurkan. Batasan kajian ini adalah dijalankan kepada 394 orang penduduk di satu PBT sahaja iaitu MBSA daripada 75 PBT yang terlibat secara aktif dalam pelaksanaan LA21. Untuk implikasi praktikal, kajian ini mungkin menjadi contoh untuk menilai tahap pelaksanaan LA21 di PBT lain di Malaysia. Penemuan kajian ini akan memberikan pandangan baharu untuk faktor mempengaruhi tahap penglibatan komuniti bandar dalam usaha merealisasikan agenda pembangunan bandar mampan melalui penglibatan komuniti. Kajian ini menyediakan maklumat penting untuk pembuat keputusan khususnya PBT yang terlibat dalam pelaksanaan LA21 dan juga menyediakan rujukan berguna untuk penyelidik akan datang dalam bidang kajian ini.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

ABSTRACT

This study was to identify the factors that influence the level of urban community participation in the Local Agenda 21 (LA21) program in Shah Alam City Council (MBSA). The study was conducted on a sample of 394 residents in the MBSA administrative area. Survey instruments including 58 measurement items were adapted from previous studies to identify factors influencing the level of urban community participation in the LA21 program at MBSA. Descriptive statistical analysis and reliability analysis were used to analyze the data with SPSS software. The findings of the study show that the neighborhood problem factor is one of the factors that influence the level of urban community participation in the LA21 program in the city of Shah Alam. Local Authorities (LAs) need to investigate the factors of community participation in the implementation of programs especially activities organized. One of the limitation of the study is been carried out on 394 residents in a local authority only, namely MBSA out of 75 local authorities that are actively involved in the implementation of LA21. For practical implications, this study may be an example to assess the level of implementation of LA21 in other local authorities in Malaysia. The findings of this study will provide new insights for the factors influencing the level of urban community participation in realizing the sustainable urban development agenda through community participation. This study provides important information for policy makers especially local authorities involved in the implementation of LA21 and also provides useful references for future researchers in this field of study.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini adalah salah satu daripada kajian yang memberi pemahaman berkaitan dengan penglibatan komuniti dan menjelaskan keadaan yang mempengaruhi penglibatan komuniti khususnya dalam kalangan komuniti bandar di mana dapat membantu PBT untuk merangka program intervensi berasaskan komuniti yang lebih berkesan yang memerlukan penglibatan komuniti dan kerjasama antara sektor kerajaan.

1. Pengenalan

Pembangunan bandar mampan terus diberikan perhatian oleh seluruh komuniti global dan tempatan dalam usaha bagi memastikan persekitaran perbandaran yang lebih kondusif untuk didiami. Dengan kadar urbanisasi Malaysia telah menunjukkan peningkatan yang signifikan daripada 74.3% pada tahun 2015 kepada 77.2% pada tahun 2020 dan seterusnya dijangka 85% daripada jumlah penduduk negara ini mendiami kawasan bandar menjelang tahun 2040 (Unit Perancang Ekonomi Malaysia, 2021). Kerajaan telah mengambil inisiatif yang wajar melalui penyediaan kerangka pembangunan bandar mampan dengan penggubalan Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2) dan pengenalan Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4) pada tahun 2021. Malaysia amat serius dalam memastikan penglibatan komuniti dalam pelbagai program di peringkat tempatan memandangkan pertambahan penduduk bandar dijangka terus meningkat menjelang tahun 2040. Perkara ini diterjemahkan melalui Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dengan pengenalan beberapa inisiatif Agenda

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Perbandaran Baharu (NUA) 4 yang memberi tumpuan kepada tadbir urus bandar yang berkesan dan membangunkan masyarakat bandar yang mampan melalui kegiatan ekonomi bandar yang berdaya tahan serta mengutamakan pembangunan bandar hijau yang seterusnya meningkatkan kesejahteraan penduduk bandar.

Daripada perspektif global, inisiatif Agenda 2030 yang turut melibatkan usaha global secara bersepadu melalui pengenalan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang mengenengahkan 17 matlamat yang berteraskan pencapaian keseimbangan tiga (3) dimensi pembangunan mampan iaitu aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar. Secara khusus melalui SDG11 (Bandar dan Komuniti Mampan), perancangan dan pengurusan bersepadu serta penglibatan komuniti tempatan akan memberikan halatuju yang jelas kepada pencapaian pembangunan bandar yang mampan dan selamat untuk didiami. Dalam hal ini, Malaysia juga tidak berkecuali dalam mengadaptasi Agenda 2030 yang memberikan nafas baharu kepada pelaksanaan LA21 yang telah mula dilaksanakan sejak tahun 1998 di beberapa PBT. LA21 telah memperkenalkan amalan perkongsian pintar antara Kerajaan, pihak swasta dan rakyat yang memberikan tumpuan khusus kepada penglibatan komuniti bagi menambahbaik tadbir urus Kerajaan khususnya di peringkat PBT (Krivokulska & Bohach, 2020). Walau bagaimanapun, masih terdapat sebahagian besar PBT masih belum mengadaptasi agenda LA21 dalam memastikan penglibatan komuniti bandar untuk bersama-sama membuat keputusan dan melibatkan diri secara langsung dengan program-program dianjurkan.

Menurut Abidin et al. (2016), penglibatan komuniti amat kritikal dalam merealisasikan perancangan pembangunan bandar mampan memandangkan komuniti tempatan lebih memahami isu dan masalah yang mendalam. Penglibatan komuniti juga dapat bersama-sama dengan PBT dalam merangka rancangan dan melaksanakan keputusan yang memberikan impak secara langsung kepada komuniti tempatan. Penglibatan komuniti juga bukan sahaja dapat memanfaatkan pihak komuniti dan PBT, malah ia menghasilkan keputusan yang telus melalui penyaluran input terus daripada rakyat sekaligus mewujudkan penyelesaian daripada pelbagai perspektif yang lebih luas dan menyeluruh. Namun, tahap penglibatan komuniti dalam pelaksanaan pogram-program anjuran PBT di Malaysia masih pada tahap yang rendah.

Malaysia adalah merupakan sebuah negara yang mengamalkan pemerintahan berparlimen demokratik. Oleh itu, penglibatan komuniti yang turut mengambil bahagian dalam penggubalan dasar awam adalah selaras dengan amalan demokrasi di negara ini (Sonet et al., 2021). Penglibatan komuniti sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam pelbagai peringkat perancangan dan pelaksanaan dasar Kerajaan juga merupakan transformasi corak membuat keputusan iaitu beralih daripada secara “atas ke bawah” yang menjadi amalan sebelum ini kepada “bawah ke atas” dan ia akan memberikan peranan kepada orang awam untuk turut serta dalam penggubalan dan pelaksanaan dasar sivil kerajaan untuk kepentingan bersama (Pløger, 2021). Keadaan ini sekaligus menyumbang secara positif kepada peningkatan amalan tadbir urus secara demokrasi. Walau bagaimanapun, masih tiada kepastian mengenai faktor paling kritikal yang menyumbang kepada peningkatan tahap penglibatan komuniti.

Menurut Laporan Tahunan 2020, MBSA merupakan salah satu PBT yang masih aktif dalam melaksanakan program-program di bawah inisiatif LA21 yang menggalakkan penglibatan komuniti sehingga kini. MBSA amat komited dalam memastikan kejayaan pelaksanaan program-program LA21 dengan membelanjakan sebanyak RM5.3 juta

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

semenjak tahun 1998. Oleh itu, kajian di MBSA amat kritikal dalam mengetahui keberhasilan program daripada segi manfaat pulangan daripada perbelanjaan.

Beberapa kajian lepas oleh Nebasifu dan Atong (2019) serta Linzalone et al. (2017) mendapati pengetahuan adalah amat penting dalam memastikan penglibatan komuniti dalam program anjuran pihak agensi Kerajaan. Faktor semangat komuniti (SoC) juga turut dikaitkan dengan tahap penglibatan komuniti seperti yang dibangkitkan oleh penyelidik seperti Procentese et al. (2019), Ramos et al. (2017) dan Talò et al. (2014). Selain itu, faktor masalah kejiranan juga menyumbang kepada tahap penglibatan komuniti seperti dapatan kajian oleh Lee dan Cho (2018) serta Takagi et al. (2016). Oleh itu, kajian ini akan memberikan fokus kepada tiga (3) faktor yang mempengaruhi tahap penglibatan komuniti dalam program-program LA21 di MBSA iaitu tahap pengetahuan, semangat komuniti dan faktor masalah kejiranan.

2. Sorotan Literatur

Menurut Xavier et al. (2019) dan Savari et al. (2020), penglibatan didefinisikan sebagai penglibatan individu atau ahli komuniti dalam proses membuat dan mempengaruhi keputusan terhadap sesuatu perkara atau aktiviti di pelbagai peringkat termasuk perancangan, pelaksanaan dan penilaian. Manakala Coenen (2009) mendefinisikan penglibatan sebagai satu proses yang dilaksanakan secara sukarela dan melibatkan lima (5) peringkat membuat keputusan iaitu (1) menilai keperluan, (2) menyetujui visi, (3) menjana idea dan rancangan untuk tindakan, (4) membolehkan tindakan dan (5) pemantauan dan penilaian. Penglibatan komuniti dalam proses membuat keputusan amat kritikal khususnya di peringkat kerajaan tempatan yang bukan sahaja memberikan impak secara langsung kepada kedua-dua pihak, malah menambahbaik amalan demokrasi akar umbi (Halimah et al., 2016).

2.1. Konsep Penglibatan

Pelbagai konsep penglibatan yang telah diutarakan oleh para pengkaji bagi mendefinisikannya menurut konteks yang berbeza. Dalam konteks pembangunan komuniti, Asnarulkhadi dan Fariborz (2009) menyatakan penglibatan sebagai satu bentuk tingkah laku ahli komuniti yang mengambil bahagian dalam rancangan, program, aktiviti atau projek yang bertujuan untuk peningkatan diri termasuklah mengenalpasti keperluan, merangka pelan tindakan, strategi, mendapatkan sumber dan menggunakan dengan baik untuk mencapai matlamat bersama. Cohen dan Uphoff (1980) pula mendefinisikan penglibatan daripada perspektif pembangunan luar bandar iaitu melihat penglibatan sebagai (i) proses membuat keputusan oleh sekumpulan individu mengenai sesuatu dan menentukan bagaimana melaksanakan; (ii) bentuk penglibatan oleh individu yang terlibat; (iii) bagaimana keuntungan yang diperolehi dapat diagihkan dan (iv) bagaimana individu dapat dilibatkan dalam penilaian ke atas aktiviti yang disertai.

2.2. Kepentingan Penglibatan

Penglibatan komuniti merupakan salah satu kaedah bagi memastikan setiap keputusan dibuat secara persetujuan bersama antara Kerajaan sebagai pembuat keputusan melalui sesi konsultasi bersama komuniti setempat. Menurut Xavier et al. (2019) dan Hai et al. (2021), salah satu proses untuk memastikan sesi konsultasi dilaksanakan secara efektif adalah interaksi dua hala antara pihak kerajaan dan komuniti setempat supaya keputusan yang dibuat mendapat sokongan serta membangkitkan rasa kepunyaan komuniti

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

setempat. Selain itu, penglibatan komuniti juga mengukuhkan hubungan antara PBT dan komuniti tempatan yang memudahkan perancangan dan pelaksanaan program-program oleh PBT. Selain itu, penglibatan komuniti juga memberikan implikasi terhadap keberkesanan program memandangkan kumpulan sasar iaitu komuniti setempat mendapat mengetahui secara terus perkembangan dan status pelaksanaannya. Perkara ini seterusnya disokong oleh Nebasifu dan Atong (2019) yang menyatakan bahawa penglibatan komuniti tempatan memberi manfaat dalam menambah baik pengurusan agensi Kerajaan seterusnya meningkatkan lagi keberkesanan program yang dilaksanakan.

Melalui penglibatan komuniti akan mewujudkan saling bergantungan antara komuniti tempatan dengan agensi Kerajaan melalui perkongsian pengetahuan, menggalakkan perhubungan yang positif, memudahkan pembelajaran dan pembangunan dan menyesuaikan diri dengan keadaan persekitaran yang tidak menentu. Keadaan ini sekaligus akan meningkatkan keberkesanan pelaksanaan program yang memberikan impak secara langsung kepada komuniti (MacDonald et al., 2019). Penglibatan komuniti juga akan dapat memberikan input tambahan kepada Agensi Kerajaan yang bertindak mengikut undang-undang dan peraturan formal khususnya dalam perancangan dan pelaksanaan dasar. Saling hubungan yang rapat antara rakyat dan Kerajaan akan memperkukuhkan elemen pemantauan dan penilaian terhadap program yang telah dilaksanakan memandangkan komuniti sentiasa dekat dan berada di lapangan berbanding dengan agensi Kerajaan (Khair et al., 2020).

2.3. Penglibatan dan Local Agenda 21

Berdasarkan United Nations Conference on Environment and Development (UNCED, 1992), LA21 merupakan salah satu inisiatif perancangan interaktif iaitu komunikasi antara pihak berkuasa penggubal dasar dengan pihak berkepentingan dalam komuniti yang memberikan perhatian khusus kepada penglibatan semua pihak dalam membuat keputusan ke arah mencapai kualiti hidup mampan. Secara khusus, melalui SDG11 (Bandar Lestari dan Komuniti) yang memberi penekanan kepada penglibatan komuniti untuk pembangunan bandar selamat untuk didiami melalui perancangan dan pengurusan bersepadu secara bersama dengan pihak berkuasa (Lee et al., 2018).

Berdasarkan kajian oleh Nebasifu dan Atong (2019) terhadap komuniti di sekitar Taman Negara Gunung Cameroon di sub-Sahara Afrika Barat mendapati bahawa tahap penglibatan komuniti bertambah baik sekiranya mereka yang terlibat mendapat pengetahuan dan maklumat yang mencukupi terhadap program pemeliharaan biodiversiti. Kajian oleh Linzalone et al. (2017) mendapati bahawa pengetahuan berkaitan pelan pengurusan sisa baharu melalui kumpulan berfokus di Itali menyebabkan tahap penglibatan komuniti dan kesedaran bertambah seterusnya dapat menyokong pembuat keputusan dalam pelan pengurusan sisa.

Procentese et al. (2019) yang melaksanakan kajian terhadap penglibatan komuniti pelajar universiti di Itali mendapati bahawa semangat komuniti kampus telah meningkatkan kesedaran mereka untuk melibatkan diri. Manakala kajian oleh Ramos et al. (2017) terhadap penglibatan komuniti dalam membuat keputusan di kalangan pendatang Hispanik daripada dua (2) komuniti di luar bandar Nebraska mendapati bahawa semangat komuniti berkorelasi positif secara signifikan dengan penglibatan komuniti. Perasaan keahlian, pengaruh dan hubungan emosi yang dikongsi antara ahli komuniti adalah elemen penting dalam mengukuhkan semangat komuniti yang secara aktif

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

mengambil bahagian dalam komuniti mereka dengan sukarela, menderma kepada organisasi komuniti, berinteraksi tentang isu komuniti dan mengambil bahagian dalam persatuan.

Kajian oleh Lee dan Cho (2018) mendapati masalah jenayah dan isu-isu kejiranan seperti kebersihan dan wabak penyakit di bandar Seoul, Korea Selatan telah menyebabkan tahap penglibatan komuniti dengan aktiviti berpesatuan semakin menggalakkan. Begitu juga kajian oleh Takagi et al. (2016) di dua (2) bandar di Tokyo iaitu Musashino dan Kiyose mendapati bahawa penglibatan komuniti makin menggalakkan dan mempunyai hubungan signifikan dengan kebimbangan pertambahan masalah jenayah. Melalui aktiviti persatuan, hubungan kejiranan mereka lebih rapat dan mudah untuk memerangi ancaman jenayah.

3. Metod Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk korelasi dengan melihat kepada perhubungan di antara pembolehubah-pembolehubah yang telah dikenalpasti dan pengumpulan data menggunakan kaedah tinjauan secara keratan rentas. Kajian ini dilaksanakan melibatkan penduduk yang menetap dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA). Pemilihan MBSA dibuat memandangkan ia merupakan Pihak Berkuasa Tempatan yang aktif melaksanakan pelbagai program LA21. Persampelan kajian dibahagikan kepada tiga (3) bahagian iaitu Bahagian Utara, Bahagian Tengah dan Bahagian Selatan yang terdiri daripada 24 zon secara keseluruhannya. Penentuan jumlah sampel adalah berdasarkan kepada jumlah populasi 24 zon berkenaan iaitu 99,800 orang. Teknik persampelan yang digunakan adalah secara persampelan rawak kluster berlapis (*multi-stage random cluster sampling*) kerana lebih praktikal mengikut lokaliti responden. Pengiraan saiz sampel adalah berdasarkan saiz persampelan yang dicadangkan oleh Dillman (2011) iaitu sebanyak 383 responden diperlukan bagi anggaran populasi di antara 40,000 hingga 100,000. Walau bagaimanapun, bagi mengelakkan keraguan dan mengambil kira soal selidik yang tidak dikembalikan dan tidak lengkap, borang soal selidik yang diedar adalah melebihi 20 peratus daripada 383 iaitu sebanyak 460. Statistik deskriptif seperti frekuensi, min dan sisihan piawai serta statistik inferensi seperti regresi linear berganda telah digunakan untuk analisis data. Data telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 23. Ujian korelasi Pearson digunakan untuk mengenalpasti kekuatan (*strength/ magnitude*) dan arah (*direction*) hubungan antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar. Kajian ini juga menggunakan teknik regresi pelbagai untuk meneroka hubungan antara satu pembolehubah bersandar dan beberapa pembolehubah bebas.

Soal selidik dalam kajian ini diadaptasi daripada kajian lain yang serupa dalam bidang penglibatan komuniti dan item daripada kajian ini telah diubah suai untuk disesuaikan dengan konteks budaya, ekonomi dan sosial Malaysia. Beberapa item yang dipilih dan diubahsuai mengikut kesesuaian program LA21 bagi komuniti bandar dan selari dengan objektif kajian. Soal selidik ini terdiri daripada lima (5) bahagian yang terdiri daripada 58 soalan jenis tertutup bagi memudahkan analisis data kerana ia lebih seragam daripada segi jawapan responden berbanding dengan soalan terbuka. Bahagian pertama terdiri daripada tujuh item dan mengumpulkan data demografi responden. Ringkasan item kajian adalah seperti di Jadual 1 berikut:

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 1: Ringkasan Instrumen Kajian

Bahagian	Pemboleh Ubah	Format Soalan	Bilangan Item
A	Latar belakang sosio-demografi	Terbuka dan tertutup	11
B	Pengetahuan tentang LA21	Tertutup (Skala betul dan salah)	10
C	Semangat Komuniti	Tertutup (Skala jenis Likert)	12
D	Masalah Kejiranan	Tertutup (Skala jenis Likert)	10
E	Penglibatan	Tertutup (Skala jenis Likert)	15

Bahagian A yang mengandungi 11 item yang dibina sendiri oleh pengkaji merangkumi soalan seperti maklumat latar belakang responden iaitu jantina, umur, bangsa, agama, taraf perkahwinan, pendidikan, pekerjaan, status pemilikan rumah yang didiami dan tempoh menetap. Manakala Bahagian B sebanyak 10 soalan yang diubahsuai daripada instrumen yang dibangunkan oleh Mariana (2008) bertujuan mendapatkan maklumat tahap pengetahuan responden terhadap konsep pelaksanaan LA21 khususnya tahap pemahaman LA21. Bahagian C adalah untuk mengukur pembolehubah semangat komuniti yang merupakan 12 item yang dipilih menggunakan 5 skala jenis Likert yang disusun dari darjah 1= "Sangat Tidak Setuju" hingga 5= "Sangat Setuju". Instrumen ini diubahsuai daripada beberapa instrumen kajian oleh Peterson dan Speer (2008) yang telah diuji kesahannya dan mempunyai nilai kebolehpercayaan 0.92. Bahagian D adalah instrumen untuk mengukur tahap masalah yang timbul dalam kawasan kejiranan. Instrumen ini telah diubahsuai daripada instrumen asal yang dibina oleh Chavis dan Wandersman (1990) dan terdiri daripada 10 item yang disesuaikan mengikut situasi di Malaysia. Soal selidik ini menggunakan 5 skala jenis Likert yang disusun dari darjah 1= "Tidak pernah" ; 2= "Jarang-jarang" ; 3="Kadang-kadang" ; 4="Kerap"; dan 5= "Sangat kerap". Bahagian E adalah instrumen 15 item untuk mengukur tahap penglibatan responden dalam program dan aktiviti LA21. Instrumen ini diubahsuai daripada Bagherian et al. (2009) yang menggunakan 5 skala jenis Likert yang disusun dari darjah 1= "Sangat Tidak Setuju" hingga 5= "Sangat Setuju".

4. Hasil Kajian

Dalam kajian ini, ciri-ciri peribadi termasuk jantina, umur, taraf perkahwinan, kaum, pendidikan tertinggi, pekerjaan, pemilikan rumah dan jenis rumah 394 responden telah diteliti. Maklumat demografi responden yang terlibat dengan kajian ini adalah seperti di Jadual 2:

Jadual 2: Profil Demografi Responden (n=394)

	Profil	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	282	71.6
	Perempuan	112	28.4
Bangsa	Melayu	280	71.1
	Cina	60	15.2
	India	54	13.7
Taraf perkahwinan	Bujang	90	22.8
	Berkahwin	293	74.4

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

	Profil	Kekerapan	Peratus (%)
	Bercerai/ kematian pasangan	11	2.8
Tahap pendidikan	Tidak bersekolah	4	1.0
	Sekolah Rendah	16	4.1
	PMR/ SRP/ LCE	11	2.8
	SPM/SPMV/ MCE	94	23.9
	STPM/ Diploma	117	29.7
	Ijazah Sarjana Muda	114	28.9
	Ijazah Sarjana / PhD	38	9.6
Pekerjaan	Tidak bekerja	67	17.0
	Bekerja sendiri	120	30.5
	Bekerja di sektor awam	68	17.3
	Bekerja di sektor swasta	139	35.2
Status pemilikan rumah	Rumah sendiri	271	68.8
	Rumah sewa	123	31.2
Jenis rumah	Banglo	44	11.2
	Semi-D	59	15.0
	Teres	215	54.6
	Pangsapuri/ Kondominium	76	19.3

Skor min bagi tahap penglibatan responden dalam program LA21 (Jadual 3) berada pada tahap yang sederhana (M=37.73, SP=14.355) iaitu lebih rendah daripada 45 (nilai pertengahan antara nilai terendah (15) dan nilai tertinggi (75). Ini menunjukkan tahap penglibatan responden dalam Program LA21 di Shah Alam adalah di tahap sederhana ke rendah. Berdasarkan dapatan kajian, dapat dilihat dengan jelas bahawa tahap penglibatan masyarakat bandar di Shah Alam dalam program LA21 berada pada tahap sederhana.

Jadual 3: Tahap Penglibatan Responden

Tahap	Kekerapan	Peratus (%)	Min	Sisihan Piawai
Rendah (15 – 34)	153	38.8	37.73	14.36
Sederhana (35 – 54)	195	49.5	(Sederhana)	
Tinggi (55 – 75)	46	11.7		

Jadual 4 menunjukkan bahawa 79.7% responden mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana berbanding 12.4% pada tahap tinggi dan baki 7.9% pada tahap rendah. Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian yang dijalankan oleh Kamaruddin et al. (2016) bahawa tahap pengetahuan masyarakat berkenaan dengan program yang dianjurkan berada pada tahap yang sederhana.

Jadual 4: Tahap Pengetahuan Responden

Tahap	Kekerapan	Peratus	Min	Sisihan Piawai
Rendah (0 – 3)	31	7.9	5.77	1.71
Sederhana (4 – 7)	314	79.7	(Sederhana)	
Tinggi (8 – 10)	49	12.4		

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 5 menunjukkan skor min bagi tahap semangat komuniti dalam kalangan komuniti bandar berada pada tahap yang sederhana (M=41.55, SP=7.54) iaitu melebihi daripada 36 (nilai pertengahan antara nilai terendah (12) dan nilai tertinggi (60).

Jadual 5: Tahap Semangat Komuniti Responden

Tahap	Kekerapan	Peratus	Min	Sisihan Piawai
Rendah (12 – 27)	11	2.8	41.55	7.536
Sederhana (28 – 43)	232	58.9	(Sederhana)	
Tinggi (44 – 60)	151	38.3		

Jadual 6 menunjukkan skor min bagi tahap masalah di kawasan kejiranan berada pada tahap yang sederhana (M=29.65, SP=6.57) iaitu lebih rendah daripada 30 (nilai pertengahan antara nilai terendah (10) dan nilai tertinggi (50).

Jadual 6: Tahap Masalah Kejiranan

Tahap	Kekerapan	Peratus	Min	Sisihan Piawai
Rendah (10 – 23)	52	13.2	29.65	6.571
Sederhana (24 – 37)	288	73.1	(Sederhana)	
Tinggi (38 – 50)	54	13.7		

Jadual 7 menunjukkan hasil analisis korelasi Pearson bagi melihat perkaitan di antara faktor pemboleh ubah bebas iaitu pengetahuan tentang LA21, semangat komuniti dan masalah kejiranan dengan pemboleh ubah bersandar iaitu penglibatan.

Jadual 7: Perkaitan Antara Pemboleh Ubah Bebas dengan Penglibatan

	Penglibatan	
Pemboleh ubah tidak bersandar	**Korelasi Pearson (r)**	**Sig. (*2-tailed*) (p)**
Pengetahuan tentang LA21	-.039	.437
Semangat komuniti	.073	.149
Masalah kejiranan	.310**	.000

Hasil keputusan analisis seperti Jadual 7 menunjukkan bahawa perkaitan antara pengetahuan tentang LA21 dengan tahap penglibatan komuniti bandar adalah tidak signifikan berdasarkan nilai p=.437 > 0.05. Nilai r = -0.039 menunjukkan hubungan korelasi negatif yang sangat rendah antara pengetahuan tentang LA21 dengan penglibatan komuniti bandar di Shah Alam.

Manakala perkaitan antara semangat komuniti dengan tahap penglibatan komuniti bandar adalah tidak signifikan berdasarkan nilai p = 0.149>0.05. Nilai r= 0.073 menunjukkan hubungan korelasi positif yang sangat rendah antara semangat komuniti dengan penglibatan komuniti bandar.

Perkaitan antara masalah kejiranan dengan tahap penglibatan komuniti bandar signifikan berdasarkan nilai p = 0.000<0.01. Nilai r= 0.310 menunjukkan hubungan korelasi positif yang rendah antara masalah kejiranan dengan penglibatan komuniti bandar.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Keputusan regresi berbilang piawai untuk membina model penglibatan adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 8. Analisis mendapati bahawa nilai R2 yang diperolehi adalah 0.277 iaitu menunjukkan pemboleh ubah bebas semangat komuniti dan masalah kejiranan hanya boleh menerangkan 27.7% varians (R2 = 0.277; F=18.395; p<.05) penglibatan LA21 dalam kalangan komuniti bandar. Baki 72.3% disumbangkan oleh faktor lain yang tidak dapat dijelaskan. Keputusan regresi pelbagai menunjukkan nilai F adalah 18.395 dengan nilai p adalah sangat signifikan pada aras p<.001.

Jadual 8: Model Penglibatan

Pemboleh ubah Bebas	***Unstandardized Coefficient***		***Standardized Coefficient***	***t***	***Sig.***
	β	**Std Error**	**β**		
Konstan (pemalar)	26.380	5.380		4.903	.000
Jantina (X_1)	-4.081	1.405	-.128	-2.905	.004
Status Pemilikan Rumah (X_2)	-3.945	1.379	-.128	-2.860	.004
Taraf Perkahwinan (X_3)	2.086	1.364	.068	1.529	.127
Pengetahuan tentang LA21 (X_4)	-.072	.395	-.009	-.183	.855
Semangat Komuniti (X_7)	.362	.138	.190	2.620	.009
Masalah Kejiranan (X_8)	.739	.099	.338	7.479	.000
Model Summary					
R	R^2	Adjusted R^2	SE of the Estimate		
0.526	0.277	0.262	12.336		

5. Perbincangan Kajian

Berkaitan dengan latar belakang sosioekonomi responden, kajian ini mendapati bahawa penglibatan lelaki lebih tinggi berbanding perempuan dalam program LA21 di Shah Alam. Dapatan mendapati tahap pendidikan turut mempengaruhi tahap penglibatan responden dalam program yang dianjurkan. Responden berlulusan STPM/Diploma dan Ijazah Sarjana Muda didapati antara kumpulan yang aktif melibatkan diri dalam program LA21. Selain itu, individu yang bekerja sendiri didapati mempunyai kecenderungan tinggi untuk terlibat dalam program LA21. Ini menunjukkan bahawa latar belakang sosioekonomi responden turut mempengaruhi tahap penglibatan komuniti dalam program LA21.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa masalah kejiranan menyumbang kepada tahap penglibatan komuniti dalam program LA21. Ini bermakna sekiranya komuniti merasakan masalah kejiranan semakin kritikal dan kurang selamat, terdapat kecenderungan lebih besar untuk ahli komuniti melibatkan diri dalam program LA21 anjuran MBSA. Melalui program komuniti termasuk aktiviti persatuan, ahli komuniti akan lebih erat dan berganding bahu bekerjasama dalam mencari jalan untuk menyelesaikan masalah kejiranan yang timbul secara bersama.

6. Kesimpulan

Tumpuan utama kajian ini adalah untuk menilai tahap penglibatan komuniti dalam program LA21 di bandaraya Shah Alam. Berdasarkan dapatan kajian, disimpulkan bahawa penglibatan komuniti khususnya dalam program LA21 masih di peringkat sederhana walaupun ianya telah diperkenalkan sejak tahun 1998 dan menjadi sebahagian daripada matlamat negara ini dalam merealisasikan pembangunan mampan seperti yang

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

termaktub dalam Agenda 2030. Penglibatan komuniti dalam program LA21 bukan sahaja terhad kepada aktiviti kemasyarakatan, tetapi turut meliputi proses membuat keputusan di peringkat perancangan dan pelaksanaan termasuk perkongsian idea dan input dalam proses penggubalan dasar.

Penglibatan komuniti amat penting untuk membantu memudahkan Kerajaan melaksanakan dasar dan progam yang mempunyai kesan langsung kepada kemajuan masyarakat. Sokongan dan peranan kerajaan tempatan sebagai penyedia infrastruktur dan kemudahan asas boleh dioptimumkan dengan sokongan daripada ahli komuniti kerana turut bersama-sama bermula dengan fasa perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Sekiranya sambutan dan penglibatan komuniti agak rendah dalam program LA21, peranan Kerajaan agak lebih sukar dalam menyampaikan perkhidmatan memandangkan ianya memerlukan perbelanjaan yang tinggi untuk melantik lebih ramai anggota bagi melaksanakan kerja-kerja pemantauan dan peningkatan kualiti yang berterusan.

Kajian ini telah dilaksanakan di salah sebuah PBT bertaraf Majlis Bandaraya yang mempunyai latar belakang sosioekonomi penduduk yang berbeza dengan PBT lain. Sehubungan itu, kajian seumpama ini disyorkan diperluas ke PBT yang lebih kecil iaitu bertaraf Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah bagi menilai sama ada terdapat perbezaan yang signifikan tahap penglibatan komuniti di PBT yang berbeza kategori. Sebanyak tiga (3) faktor telah dikaji bagi melihat pengaruh ke atas tahap penglibatan komuniti. Dapatan kajian mendapati hanya faktor masalah kejiranan sahaja menjadi faktor yang signifikan mempengaruhi tahap penglibatan komuniti. Memandangkan hanya tiga faktor sahaja yang dikaji, maka dicadangkan supaya kajian pada masa akan datang turut melihat kepada faktor-faktor sosioekonomi yang lain termasuk tahap pendidikan, faktor pekerjaan dan bilangan isi rumah yang mungkin juga mampu mempengaruhi penglibatan komuniti.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Universiti Putra Malaysia (JKEUPM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah mendapat kelulusan daripada JKEUPM dan dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada responden yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Asnarulkhadi, A. S., & Fariborz, A. (2009). People's Participation in Community Development: A Case Study in a Planned Village Settlement in Malaysia. *World Rural Observations*, *1*(2), 45–54. http://www.sciencepub.net/rural

Bagherian, R., Bahaman, A. S., Asnarulkhadi, A. S., & Shamsuddin, A. (2009). A Social Exchange Approach to People ' s Participation in Watershed Management Programs in Iran. *European Journal of Scientifi Research*, *34*(3), 428–441.

Chavis, M., & Wandersman, A. (1990). Sense of Community in the Urban Environment: A catalyst for participation and community development. *American Journal of Community Psychology*, *18*(1), 55–81. https://doi.org/10.1007/978-1-4615-0719-2_9

Coenen, F. (2009). Local Agenda 21: 'Meaningful and Effective' Participation. In *Public Participation and Better Environmental Decisions* (pp. 183–209). https://doi.org/10.1007/978-1-4020-9325-8

Cohen, J., & Uphoff, N. (1980). Participation ' s place in rural development : Seeking clarity through specificity. *World Development*, *8*, 213–235.

Dillman, D. A. (2011). *Mail and Internet surveys: The tailored design method—2007 Update with new Internet, visual, and mixed-mode guide*. John Wiley & Sons, Ltd.

Hai, D. T., Quyet, N. X., & Nguyen, D. A. (2021). Community participation for developing rural transport infrastructure in Dong Nai Province, Vietnam. *Transport Problems*, *16*(2), 45–57. https://doi.org/10.21307/tp-2021-022

Halimah, A. M., Mohamed, A. M., & Lawton, A. (2016). Assessing Public Participation Initiatives in Local Government Decision-Making in Malaysia. *International Journal of Public Administration*, *39*(11), 812–820. https://doi.org/10.1080/01900692.2015.1035788

Kamaruddin, S. M., Ahmad, P., & Alwee, N. (2016). Community Awareness on Environmental Management through Local Agenda 21 (LA21). *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, *222*. https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2016.05.234

Khair, N. K. M., Lee, K. E., & Mokhtar, M. (2020). Sustainable city and community empowerment through the implementation of community-based monitoring: A conceptual approach. *Sustainability (Switzerland)*, *12*(22). https://doi.org/10.3390/su12229583

Krivokulska, N., & Bohach, Y. (2020). Analysis Of Forms Of Public Participation In Local Government. *Economic Analysis*, *30(4)*. https://doi.org/10.35774/econa2020.04.060

Lee, J., & Cho, S. (2018). The impact of crime rate, experience of crime, and fear of crime on residents' participation in association: Studying 25 districts in the City of Seoul, South Korea. *Crime Prevention and Community Safety*, *20*(3), 189–207. https://doi.org/10.1057/s41300-018-0047-6

Lee, K. E., Abdullah, R., Hanafiah, M. M., Halim, A. A., Mokhtar, M., Goh, C. T., & Alam, L. (2018). An integrated approach for stakeholder participation in watershed management. *Environmental Risk Analysis for Asian-Oriented, Risk-Based Watershed Management: Japan and Malaysia*, 135–143. https://doi.org/10.1007/978-981-10-8090-6_10

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Linzalone, N., Coi, A., Lauriola, P., Luise, D., Pedone, A., Romizi, R., Sallese, D., Bianchi, F., Santoro, M., Minichilli, F., Maurello, M. T., Scaringi, M., & Zuppiroli, M. E. (2017). Participatory health impact assessment used to support decision-making in waste management planning: A replicable experience from Italy. *Waste Management*, *59*(2016), 557–566. https://doi.org/10.1016/j.wasman.2016.09.035

MacDonald, A., Clarke, A., & Huang, L. (2019). Multi-stakeholder Partnerships for Sustainability: Designing Decision-Making Processes for Partnership Capacity. *Journal of Business Ethics*, *160*(2), 409–426. https://doi.org/10.1007/s10551-018-3885-3

Mariana, M. (2008). *Stakeholder Participation in the Implementation of Local Agenda in Malaysia*. *September*, 1–25.

Nebasifu, A. A., & Atong, N. M. (2019). Rethinking institutional knowledge for community participation in co-management. *Sustainability (Switzerland)*, *11*(20). https://doi.org/10.3390/su11205788

Peterson, A., & Speer, P. W. (2008). Social Class As Moderator of the Relationship Between (Dis)Empowering Processes and Psychological Empowerment. *Journal of Community Psychology*, *36*(1), 61–73. https://doi.org/10.1002/jcop

Pløger, J. (2021). Politics , planning , and ruling : the art of taming public participation participation. *International Planning Studies*, *0*(0), 1–15. https://doi.org/10.1080/13563475.2021.1883422

Procentese, F., Gatti, F., & Falanga, A. (2019). Sense of responsible togetherness, sense of community and participation: Looking at the relationships in a university campus. *Human Affairs*, *29*(2), 247–263. https://doi.org/10.1515/humaff-2019-0020

Ramos, A. K., Carvajal Suarez, M., Leon, M., & Trinidad, N. (2017). Sense of community, participation, and life satisfaction among Hispanic immigrants in rural Nebraska. *Kontakt*, *19*(4), e284–e295. https://doi.org/10.1016/j.kontakt.2017.09.005

Savari, M., Eskandari Damaneh, H., & Eskandari Damaneh, H. (2020). Factors influencing local people's participation in sustainable forest management. *Arabian Journal of Geosciences*, *13*(13). https://doi.org/10.1007/s12517-020-05519-z

Sonet, U. N., Klufallah, M., Peters, M. D., & Dixon, T. J. (2021). Indicators of the public participation exercise for designing public parks in malaysia: A systematic review. *Sustainability (Switzerland)*, *13*(21), 1–14. https://doi.org/10.3390/su132112119

Takagi, D., Ikeda, K. I., Kobayashi, T., Harihara, M., & Kawachi, I. (2016). The impact of crime on social ties and civic participation. *Journal OfCommunity & Applied Social Psychology*, *26*, 164–178. https://doi.org/10.1002/casp

Talò, C., Mannarini, T., & Rochira, A. (2014). Sense of Community and Community Participation: A Meta-Analytic Review. *Social Indicators Research*, *117*(1), 1–28. https://doi.org/10.1007/s11205-013-0347-2

Unit Perancang Ekonomi Malaysia. (2021). 12th Malaysia Plan (2021-2025). In *Unit Perancang Ekonomi, Prime Miniter's Department*. https://rmke12.epu.gov.my/bm%0Ahttps://rmke12.epu.gov.my/about-us

United Nations Conference on Environment & Development. (1992). Local Authorities' Initiatives in Support of Agenda 21. In *Agenda 21* (pp. 285–286). https://sustainabledevelopment.un.org/content/documents/Agenda21.pdf

Xavier, L. Y., Jacobi, P. R., & Turra, A. (2019). Local Agenda 21: Planning for the future, changing today. *Environmental Science and Policy*, *101*(May), 7–15. https://doi.org/10.1016/j.envsci.2019.07.006

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).